



28th SEA GAMES

SUKAN SEA KE-28

MISI Mencari Bakat "EMAS"

Setelah lebih hampir 28 kali menyertai temasya Sukan SEA, buat pertamanya kalinya menerusi Sukan SEA ke-28 yang bakal berlangsung di negara jiran, Singapura, Malaysia tidak meletakkan sebarang sasaran kutipan pingat.

MOHD ARIFF



KEADAAN tersebut sudah tentu dilihat sebagai sesuatu yang janggal apatah lagi sudah menjadi tradisi apabila 11 buah negara yang menyertai sukan yang dahulunya dikenali sebagai Sukan Semenanjung Asia Tenggara atau Sukan SEAP itu masing-masing mahu menjadi jaguh dalam kalangan negara Asia.

Persoalannya, mengapakah Malaysia memilih untuk tidak meletakkan sasaran pingat?

Menurut Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, jika Sukan SEA sebelum ini Malaysia terlalu memberikan fokus kepada pungutan pingat emas, iaitu menghitung berapa banyak pingat emas yang boleh dimenangi dan meletakkan sasaran acara yang berkemungkinan membawa pingat buat negara, keadaan tersebut tidak lagi sama khususnya pada temasya Sukan SEA di Singapura yang berlangsung pada 5 hingga 16 Jun. Pada kali ini, Malaysia hanya meletakkan sasaran untuk menentangkan pelapis dan atlet pembangunan melalui sebarang acara yang disertai atlet negara.

"Kita menganggap Sukan SEA sebagai peringkat pembangunan dan kita hendak mendedahkan pelapis negara. Oleh itu, kita tidak hanya boleh melihat aspek pungutan pingat emas semata-mata, tetapi kita juga harus melihat pingat secara keseluruhan dan prestasi pelapis kita. Cita-cita negara lebih besar khususnya di Sukan Asia dan Sukan Komanwel. Kalau setakat Sukan SEA, kita tidak akan sampai ke mana," ujar Khairy Jamaluddin ketika sidang media selepas majlis perasmian program

Fit Malaysia peringkat Negeri Sembilan 2015, pada April lalu.

Dalam Sukan SEA kali ini, Malaysia menyertai sebanyak 35 daripada 36 acara sukan yang dipertandingkan dan ketika makalah ini ditulis (akhir April), Majlis Sukan Negara sedang memperhalus acara dan atlet yang akan dihantar ke Sukan SEA. Dalam setiap penganjuran Sukan SEA, Malaysia menjadi negara yang sentiasa digeruni negara lain dan sentiasa bersaing untuk menduduki tangga terbaik dalam pencapaian keseluruhan pungutan pingat. Meskipun pencapaian Malaysia dalam setiap penganjuran Sukan SEA selalu berubah-ubah, Malaysia sentiasa berada dalam kalangan lima buah negara yang terbaik dari segi pungutan pingat.

Mengimbas kembali sejarah Sukan SEA, Malaysia menjadi negara keempat penganjuran sukan tersebut, iaitu pada tahun 1965. Kali pertama Sukan SEA diperkenalkan adalah pada tahun 1956 di Bangkok, Thailand. Sepanjang temasya sukan tersebut, Thailand muncul juara sebanyak 12 kali, diikuti Indonesia sebanyak tujuh kali dan Vietnam sebanyak dua kali. Sementara itu, Malaysia mencatatkan prestasi paling memberangsangkan pada tahun 2001, iaitu ketika menjadi tuan rumah dengan meraih sebanyak 111 pingutan emas, sekali gus menjadi juara.

Sudah tentu tidak ada sesiapa pun yang boleh melupakan pencapaian atlet terbaik dengan pungutan emas terbanyak yang dirangkul oleh perenang emas negara, Nurul Huda Abdullah, yang menghidaihi negara sebanyak tujuh pingat emas dalam temasya Sukan SEA 1985 dan ratu gimrama negara, Faiznur Miskin, yang membawa lima pingat emas dalam tersebut pada tahun 1989. Adakah bakat "emas" negara akan muncul dalam Sukan SEA ke-28? ■

Jadual Pencapaian Negara di Persada Sukan SEA (1959 - 2013)

Tahun	Jumlah Negara	Juara	Malaysia
1959	Enam buah negara Tuan rumah: Bangkok, Thailand	Thailand 35 Emas, 26 Perak, 15 Gangsa	Tempat ketiga Lapan emas, 15 Perak, 11 Gangsa = 34
1961	Tujuh buah negara Tuan rumah: Rangoon, Burma	Burma 35 Emas, 26 Perak, 43 Gangsa	Tempat ketiga 16 Emas, 24 Perak, 39 Gangsa = 79
1963	Tuan rumah: Kemboja	Dibatalkan kerana Kemboja tidak bersedia mengerjakannya	
1965	Tujuh buah negara Tuan rumah: Kuala Lumpur, Malaysia	Thailand 38 Emas, 33 Perak, 35 Gangsa	Tempat kedua 33 Emas, 36 Perak, 28 Gangsa = 97
1967	Tujuh buah negara Tuan rumah: Bangkok, Thailand	Thailand 77 Emas, 48 Perak, 40 Gangsa	Tempat ketiga 23 Emas, 29 Perak, 43 Gangsa = 94
1969	Enam buah negara Tuan rumah: Rangoon, Burma	Burma 57 Emas, 46 Perak, 46 Gangsa	Tempat keempat 16 Emas, 24 Perak, 39 Gangsa = 79
1971	Tujuh buah negara Tuan rumah: Kuala Lumpur, Malaysia	Thailand 44 Emas, 27 Perak, 38 Gangsa	Tempat kedua 41 Emas, 43 Perak, 55 Gangsa = 139
1973	Tujuh buah negara Tuan rumah: Singapura	Thailand 47 Emas, 25 Perak, 27 Gangsa	Tempat ketiga 30 Emas, 35 Perak, 50 Gangsa = 115
1975	Empat buah negara Tuan rumah: Bangkok, Thailand	Thailand 80 Emas, 45 Perak, 39 Gangsa	Tempat keempat 27 Emas, 49 Perak, 51 Gangsa = 127
1977	Tujuh buah negara Tuan rumah: Kuala Lumpur, Malaysia	Indonesia 62 Emas, 41 Perak, 34 Gangsa	Tempat kelima 21 Emas, 17 Perak, 21 Gangsa = 59
1979	Tujuh buah negara Tuan rumah: Jakarta, Indonesia	Indonesia 92 Emas, 78 Perak, 52 Gangsa	Tempat kelima 19 Emas, 23 Perak, 39 Gangsa = 81
1981	Tujuh buah negara Tuan rumah: Manila Filipina	Indonesia 84 Emas, 73 Perak, 56 Gangsa	Tempat keempat 16 Emas, 27 Perak, 31 Gangsa = 73
1983	Lapan buah negara Tuan rumah: Singapura	Indonesia 64 Emas, 67 Perak, 54 Gangsa	Tempat keenam 16 Emas, 25 Perak, 40 Gangsa = 81
1985	Lapan buah negara Tuan rumah: Bangkok, Thailand	Thailand 92 Emas, 66 Perak, 59 Gangsa	Tempat keempat 26 Emas, 68 Perak, 32 Gangsa = 86
1987	Lapan buah negara Tuan rumah: Jakarta, Indonesia	Indonesia 183 Emas, 136 Perak, 84 Gangsa	Tempat keempat 35 Emas, 41 Perak, 67 Gangsa = 143
1990	Sembilan buah negara Tuan rumah: Manila, Filipina	Indonesia 92 Emas, 86 Perak, 69 Gangsa	Tempat keempat 36 Emas, 38 Perak, 65 Gangsa = 139
1993	Sembilan buah negara Tuan rumah: Singapura	Indonesia 88 Emas, 81 Perak, 84 Gangsa	Tempat kelima 43 Emas, 45 Perak, 65 Gangsa = 153
1995	10 buah negara Tuan rumah: Chiang Mai, Thailand	Thailand 157 Emas, 98 Perak, 91 Gangsa	Tempat keempat 31 Emas, 49 Perak, 69 Gangsa = 149
1997	10 buah negara Tuan rumah: Indonesia	Indonesia 194 Emas, 101 Perak, 115 Gangsa	Tempat ketiga 55 Emas, 68 Perak, 75 Gangsa = 198
1999	10 buah negara Tuan rumah: Brunei Darussalam	Thailand 65 Emas, 48 Perak, 56 Gangsa	Tempat kedua 57 Emas, 45 Perak, 42 Gangsa = 144
2001	10 buah negara Tuan rumah: Kuala Lumpur, Malaysia	Malaysia 111 Emas, 98 Perak, 86 Gangsa	Tempat pertama 111 Emas, 98 Perak, 86 Gangsa = 295
2003	11 buah negara Tuan rumah: Hanoi Vietnam	Vietnam 158 Emas, 97 Perak, 91 Gangsa	Tempat kelima 43 Emas, 42 Perak, 59 Gangsa = 144
2005	11 buah negara Tuan rumah: Filipina	Filipina 113 Emas, 84 Perak, 94 Gangsa	Tempat keempat 61 Emas, 49 Perak, 65 Gangsa = 175
2007	11 buah negara Tuan rumah: Thailand	Thailand 183 Emas, 123 Perak, 103 Gangsa	Tempat kedua 68 Emas, 52 Perak, 96 Gangsa = 216
2009	11 buah negara Tuan rumah: Laos	Thailand 86 Emas, 83 Perak, 97 Gangsa	Tempat keempat 40 Emas, 40 Perak, 59 Gangsa = 139
2011	11 buah negara Tuan rumah: Jakarta Indonesia	Indonesia 182 Emas, 151 Perak, 143 Gangsa	Tempat keempat 59 Emas, 50 Perak, 81 Gangsa = 190
2013	11 buah negara Tuan rumah: Myanmar	Thailand 107 Emas, 94 Perak, 81 Gangsa	Tempat kelima 43 Emas, 38 Perak, 77 Gangsa = 158